



MESYUARAT AGONG KELAB KAKITANGAN KUKUM

Mesyuarat Agong Pertama Kelab Kakitangan KUKUM telah diadakan pada 31 Januari 2004 di Dewan Pok & Kassim, Kampus Kubang Gajah, Arau. Mesyuarat ini telah dirasmikan oleh Y.Bhg. Lt. Kol. Prof. Dr. Kamarudin Hussin, Rektor KUKUM dan dihadiri oleh kira-kira seramai 200 orang kakitangan KUKUM yang juga secara automatiknya adalah ahli kelab. Pada mesyuarat ini juga pelantikan Ahli Jawatankuasa baru dibuat bagi menggantikan Ahli Jawatankuasa Penaja yang diterajui oleh En. Mohd Ezral Baharuddin (Pusat Kejuruteraan) sebagai presiden.

Selepas ucapan perasmian, mesyuarat dimulakan dengan pembentangan laporan aktiviti dan perbelanjaan kelab oleh presiden dan bendahari kelab (jawatankuasa penaja). Mesyuarat diteruskan dengan perletakan jawatan oleh semua Ahli Jawatankuasa Penaja bagi membolehkan pemilihan jawatankuasa baru dibuat. Dalam pemilihan yang dibuat, dua exco lama telah berjaya mengekalkan jawatan masing-masing iaitu En. Mohd Ezral (Presiden) dan Cik Ruzalina (Setiausaha), serta dua muka baru telah dipilih ke dalam barisan exco baru iaitu Cik Nor Syahiza (Timbalan Presiden) dan En. Zulfatah (Bendahari).